

Panduan Tugas

1. Pendahuluan

Tugas ini adalah berbentuk ulasan karya ringkas dalam bidang yang berkaitan dengan ekonomi kebajikan, sama ada dari perspektif mikro-ekonomi atau makro-ekonomi atau kedua-duanya. Tugas ini boleh dibuat dalam kumpulan dengan bilangan ahli maksimum tiga. Ahli-ahli yang didaftarkan dalam sesuatu kumpulan adalah muktamad selepas minggu ke-6 (08 Ogos 08).

Tugas ini adalah sebagai pilihan untuk menggantikan peperiksaan pertengahan semester. Anda perlu membuat pilihan secara menulis antara peperiksaan pertengahan semester atau tugas ini, sebelum 08 Ogos 08. Selepas 08 Ogos 08, Mereka yang tidak membuat pilihan adalah diandaikan memilih tugas ini.

2. Markah

Markah diperuntukkan untuk tugas ini adalah 40% dalam jumlah markah penilaian kursus EPP2023 (sebagai pilihan untuk tidak mengambil peperiksaan pertengahan semester (40%)).

3. Tarikh hantar

Laporan (30%): Dalam tempoh lima hari selepas peperiksaan akhir.

Pembentangan (10%): Dalam tempoh lima hari selepas peperiksaan akhir.

4. Pembentangan (10%)

Dalam masa 15 minit (termasuk sesi soal jawab) di pejabat saya.

5. Laporan menulis (30%)

Sebanyak 2 hingga 5 artikel (jurnal / buku / seminar prosiding) diperlukan untuk ulasan karya ini. Anda bebas untuk pilih mana-mana artikel yang berkaitan dengan ekonomi kebajikan.

Keperluan lain adalah seperti berikut:

a. Format komputer

Font: Times New Roman, 10.

Page layout: Portrait, A4, double spacing.

Margin: Top 2.54cm; Left 3.17cm; Bottom 2.54cm; Right 3.17cm.

b. Format tugas

Memberi ulasan ke atas artikel tersebut terutamanya sumbangannya ke atas bidang kajian ekonomi kebajikan. Berikan komen anda terhadap artikel tersebut (**HINT: you need to show clearly the gap or gaps in the current state of research and how these gaps can be filled**).

[Had bilangan muka surat: 2 hingga 5 mukasurat]

Sertakan salinan-salinan jurnal yang digunakan dalam tugas ini dalam appendiks.¹

[Had bilangan muka surat: tiada]

c. Lain-lain

Anda dinasihatkan *stapling* tugas anda (di atas pepenjuru kiri kertas). Penggunaan kedua-dua belah kertas (*double side printing*) adalah digalakkan. **Tiada apa-apa binding** diperlukan untuk tugas ini. Tuliskan nombor matrik ahli-ahli kumpulan di atas pepenjuru kanan pada setiap mukasurat.

Tugas yang **TIDAK mengikut format tugas atau format komputer**, **TIDAK** akan disemak dan **TIADA** markah akan diperuntukkan ke atas tugas anda.

¹ Anda boleh ambil balik tugas anda (termasuk salinan-salinan jurnal ini) dua minggu selepas peperiksaan akhir.